

Fakulti Kejuruteraan UMS lawat ITCC-Penampang

UB 22.10.2014 84

Oleh JOHN TAMBANAN

SABANILAM Enterprise Sdn Bhd, pemilik dan pemaju ITCC-Penampang menerima kedatangan seramai 53 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diketuai oleh pensyarah mereka Ir. Kwong Kok Zee ke tapak pembinaan ITCC - Penampang baru-baru ini. ITCC-Penampang

adalah pembangunan integrasi bersepadu pertama dan yang terbesar di daerah Penampang merangkumi ITCC suits, empat tingkat dewan membeli belah, 170 kapasiti meja Grand Ballroom, pusat konvensyen, menara pejabat dan sebuah Best Western Plus Hotel.

Lawatan sambil belajar ini adalah sebahagian daripada program praktikal

fakulti berkenaan untuk melihat dan mengetahui secara mendalam tentang aktiviti semasa kerja-kerja pembinaan dan pengurusan projek.

Semasa lawatan itu, Pengurus Projek Albert Yap memberi taklimat kepada para pelajar fakulti kejuruteraan UMS tentang pembangunan dan kemajuan ITCC-Penampang yang mengikut jadual dan akan siap pada tahun 2015.



PARA pelajar Fakulti Kejuruteraan UMS bergambar kenangan bersama Albert dan pengurusan pemaju ITCC- Penampang.